



## World Bonsai Friendship Federation, Inc

E-1 Hwa Hwe Danji 1262  
Wondang Dong DeokYang Gu Goyang Si  
Gyeong Gi Province  
Republic of Korea  
Webpage: [www.wbffbonsai.org](http://www.wbffbonsai.org)

### Ahmad Faizal Bin Mansor

Berusia 39 tahun, dilahirkan dan menetap di Kemaman, Terengganu, saya mula mengenali seni bonsai pada pertengahan tahun 2022 melalui Facebook. Dari situ, saya mencari rakan-rakan yang berkongsi minat sama di kawasan sekitar sehingga bertemu dengan sifu Zulkipli Md Yasin pada awal tahun 2023.



Pertemuan itu menjadi titik tolak penting, kerana melalui bimbingan beliau dan sokongan rakan-rakan lain, minat saya semakin mendalam. Saya mula belajar menghasilkan bonsai sendiri, daripada proses penanaman hingga memastikan bahan-bahan tumbuh subur.

Saya pernah mengikuti demonstrasi di Pavilion Bukit Jalil bersama Kelab Peminat & Pecinta Bonsai Kemaman, serta menyertai pertandingan bonsai kategori Prospak di Johor, Kuantan, dan Terengganu. Bagi saya, seni bonsai bukan sekadar hobi, tetapi satu cabang seni yang bernilai tinggi. Ia menuntut minat yang mendalam, kesabaran yang tinggi, dan mampu membina jati diri ke tahap yang lebih cemerlang. Seni bonsai juga berpotensi menjadi legasi untuk sesiapa sahaja yang benar-benar mencintainya.